

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah duti setem yang telah dikutip oleh LHDN ke atas transaksi-transaksi yang melibatkan urus niaga pertukaran harta tanah yang berada di kawasan daerah Penampang, Kota Kinabalu dan lain-lain bandar utama di Pantai Barat Sabah pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan 2013.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, surat cara yang tertakluk kepada duti setem adalah seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Antara surat cara yang termasuk dalam senarai tersebut

adalah keatas transaksi berhubung harta tanah. Kadar duti setem terbahagi kepada 2 jenis iaitu kategori pertama pada kadar *ad valorem* dan kategori kedua pada kadar tetap. Duti setem pada kadar *ad valorem* adalah berdasarkan peratusan tertentu daripada nilai transaksi yang dinyatakan dalam surat cara terlibat seperti surat cara perjanjian pinjaman, perjanjian jual beli saham, perjanjian sewaan dan instrumen pindah milik harta tanah. Bagi kategori kedua, duti setem dikenakan pada kadar tetap iaitu sebagai contoh RM10 ke atas surat cara akuan berkanun (*statutory declaration*) dan RM100 ke atas surat cara pemerbadanan sesebuah syarikat.

2. Bagi transaksi tukar milik harta tanah, surat cara yang tertakluk kepada duti setem adalah Borang 14A Kanun Tanah Negara atau Surat Ikatan Serahan Hak (*deed of assignment*). Kadar duti setem *ad valorem* ke atas surat cara ini adalah seperti berikut:

Kadar Duti Setem	Nilai Hartanah
1%	RM100,000 yang pertama

2%	Nilai yang melebihi RM100,000 sehingga RM500,000
3%	RM500,000 dan seterusnya

Kadar duti setem ini dikenakan berdasarkan nilai harga jualan harta tanah di dalam perjanjian jual beli atau harga pasaran semasa mengikut penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dengan menggunakan nilai yang lebih tinggi antara kedua-dua nilai tersebut.

3. Jumlah kutipan duti setem ke atas surat cara pindah milik harta tanah mengikut daerah di Pantai Barat Sabah dari tahun 2009 hingga 2013 yang diperoleh daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah seperti berikut:

Daerah	Jumlah Kutipan Duti Setem (RM)				
	2009	2010	2011	2012	2013
Kota Kinabalu	21,209,226	33,525,550	37,877,619	16,500,559	48,149,883
Penampang	4,192,485	4,893,401	5,884,680	3,088,385	6,782,381
Papar	1,721,888	2,057,815	2,974,737	962,844	2,545,133
Tuaran	418,187	860,484	1,777,401	788,970	2,719,253

Ranau	101,729	422,061	453,349	75,186	644,249
Kota Belud	30,162	83,259	247,056	66,305	330,926
Kota Marudu	136,314	231,580	367,625	66,305	259,956
Kudat	467,848	551,580	1,406,977	1,224,631	989,840
Pitas	2,149	55,913	308,830	6,754	35,888
Jumlah	28,279,988	42,681,643	51,298,274	22,779,939	62,457,509

4. Statistik di atas adalah berdasarkan sistem atas talian yang komprehensif mengikut pecahan daerah di mana pembangunannya telah dibuat oleh LHDN pada tahun 2009. Namun begitu, statistik bagi tahun 2008 dan tahun sebelumnya adalah mengikut pecahan di peringkat negeri sahaja.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN IGNATIUS DORELL
DARIPADA LEIKING [PENAMPANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar-pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera dari daerah Penampang yang telah berjaya mendapat basiswa penuh daripada Kementerian untuk meneruskan pendidikan mereka di institusi-institusi pendidikan tinggi awam di Malaysia pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan 2013.
(566)

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan pelbagai program penajaan di peringkat pengajian tinggi sama ada berbentuk basiswa, bantuan kewangan atau pinjaman pelajaran kepada semua rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran tanpa mengira kuota kaum atau mengikut negeri asal. Pemberian basiswa dan bantuan kewangan ini mengambil kira faktor kelayakan serta keadilan bagi semua kumpulan sasaran yang berkelayakan. Ini bagi memastikan pembangunan modal insan yang seimbang di seluruh negara.

Kerajaan sentiasa memastikan pemberian basiswa dan bantuan kewangan di peringkat pengajian tinggi ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kriteria ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosio-ekonomi keluarga pemohon dari seluruh Malaysia.

Rekod di Kementerian dan data berdasarkan alamat pelajar tajaan, menunjukkan bahawa jumlah pelajar dari daerah Penampang sejak 2008 sehingga 2013 adalah seramai 101 orang yang mana dari jumlah tersebut seramai 22 orang merupakan pelajar bumiputera dan seramai 79 pelajar bukan bumiputera.

SOALAN (562)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN menyatakan secara terperinci prosedur yang digunakan oleh Kerajaan untuk menangani masalah jenayah judi siber haram yang semakin berleluasa di negeri Sabah dan apakah peranan pihak berkuasa tempatan dalam isu ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti perjudian yang dijalankan sama ada di dalam premis ataupun secara atas talian (siber) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

Sekiranya ia melibatkan premis tidak berlesen atau penyalahgunaan lesen, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan boleh mengambil tindakan di bawah Undang-undang Kecil (UUK) yang dikuatkuasakan. Di Sabah, di bawah *Kota Kinabalu Municipal Council (Use of Premises) By Laws 1995* (**Lampiran 1**). Di bawah UUK berkenaan, PBT boleh mengkompaun tidak lebih daripada RM500 bagi mana-mana pihak yang melakukan kesalahan di bawah UUK berkenaan. Sekiranya kompaun tidak dijelaskan dan dakwaan dilakukan, Mahkamah boleh menjatuhkan denda tidak lebih daripada RM5,000 atau setahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyemak kandungan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan mendapati bahawa Bab 2, Bahagian (ix) Akta berkenaan memberi kuasa kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menyemak perkara berkaitan kandungan pemberi perkhidmatan dan jika berlaku kesalahan akan didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan. Akta 588 adalah seperti di **Lampiran 2**.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014